

08 MAY 1996

Mahathir-Nik Aziz

NIK AZIZ JUMPA PERDANA MENTERI

KUALA LUMPUR, 8 Mei (Bernama) -- Menteri Besar Kelantan Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat dan timbalannya Datuk Halim Abdul Rahman mengadakan pertemuan kira-kira dua jam dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di pejabatnya di sini, hari ini.

Tiada kenyataan dikeluarkan oleh kedua-dua pihak mengenai butir-butir perbincangan itu tetapi difahamkan ia antara lain menyentuh cadangan kerajaan Kelantan pimpinan PAS untuk meminda Perlembagaan Negeri bagi menghadkan kuasa Sultan Kelantan seperti yang diumumkan oleh Nik Aziz baru-baru ini.

Kereta Nik Aziz kelihatan memasuki pintu masuk utama Jabatan Perdana Menteri pada pukul 4.25 petang.

Wakil media yang menunggu kereta Nik Aziz di pintu masuk utama itu sehingga 6.30 petang kemudian diberitahu oleh seorang pegawai keselamatan bahawa beliau telah meninggalkan tempat itu melalui pintu masuk yang satu lagi beberapa minit sebelum itu.

-- BERNAMA